



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1989

SIARAN UCAP TAHNIAH/UCAP TERIMA KASIH/UCAP TAKZIAH DI SURAT-SURAT KHABAR DAN MEDIA MASSA YANG LAIN OLEH PIHAK SWASTA, PERSATUAN, PERTUBUHAN ATAU ORANG PERSEORANGAN ATAU KUMPULAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI AWAM

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan terhadap amalan menyiarkan ucap tahniah/ucap terima kasih/ucap takziah di akhbar-akhbar dan media massa yang lain oleh pihak swasta, persatuan atau pertubuhan atau orang perseorangan atau kumpulan kepada pegawai-pegawai awam.

2. LATARBELAKANG

2.1 Pada masa ini didapati ada siaran ucap tahniah/ucap terima kasih/ucap takziah di akhbar-akhbar dan media massa yang lain oleh pihak swasta, persatuan, pertubuhan atau orang perseorangan atau kumpulan kepada pegawai-pegawai awam bersempena dengan peristiwa-peristiwa seperti di bawah ini:

- 2.1.1 Bersempena dengan perlantikan memegang sesuatu jawatan baru;
- 2.1.2 Bersempena dengan penganugerahan bintang kebesaran;
- 2.1.3 Bersempena dengan penganugerahan ijazah kehormat oleh mana-mana universiti;
- 2.1.4 Sebagai penghargaan kerana telah merasmikan pembukaan sesuatu syarikat/kilang/pertubuhan; dan
- 2.1.5 Bersempena dengan kematian seseorang anggota keluarga pegawai.

3. KESAN DARIPADA SIARAN UCAP TAHNIAH/UCAP TERIMA KASIH/UCAP TAKZIAH

3.1 Walaupun siaran ucap tahniah/ucap terima kasih/ucap takziah tidak kerap dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan namun Kerajaan berpendapat amalan ini adalah tidak sihat kerana kemungkinan ia boleh mendatangkan kesan yang

dikita tidak sejajar dengan peruntukan tatakelakuan di bawah Perintah Am 4, Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980.

4. KEPUTUSAN KERAJAAN

4.1 Kerajaan telah memutuskan bahawa pegawai-pegawai awam adalah dilarang dari memberikan kebenaran bagi ucapan-ucapan tahniah/terima kasih/takziah disiarkan di akhbar-akhbar atau mana-mana media massa yang lain, oleh pihak swasta, persatuan, pertubuhan, orang perseorangan atau mana-mana kumpulan orang.

5. TARIKH BERKUATKUASA

5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Kuala Lumpur

Tarikh: 1 Ogos, 1989.